

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)

**Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan tindakan diambil bagi mencegah
penyelewengan dan penyeludupan minyak masak bersubsidi.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Penguatkuasaan berkaitan penyeludupan adalah dibawah bidang kuasa Kastam Diraja Malaysia (KDRM). Walaubagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) turut melaksanakan penguatkuasaan untuk membanteras penyelewengan barang kawalan minyak masak bersubsidi termasuk cubaan untuk melakukan penyeludupan.

Kementerian sentiasa mengambil usaha-usaha bagi membanteras penyelewengan dan ketirisan barang kawalan minyak masak bersubsidi dari keluar ke negara jiran. Antara langkah-langkah yang telah diambil Kementerian ini adalah:

- i) Melancarkan operasi besar-besaran di seluruh negara yang melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
- ii) berkerjasama dengan *National Revenue Recovery Enforcement* (NRRET) yang diterajui oleh Jabatan Peguam Negara;
- iii) berkerjasama dengan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) melaksanakan kawalan penyelewengan dan cubaan menyeludup terutamanya di kawasan perairan *Eastern Sabah Security Zone* (ESSZONE); dan

- 21
- iv) mengantung atau membatalkan mana-mana pemegang lesen yang terlibat dengan aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi.